



## **17<sup>TH</sup> ASEAN INSURANCE REGULATORS' MEETING**

**INDERA KAYANGAN BALLROOM, THE EMPIRE HOTEL & COUNTRY CLUB  
2 SAFAR 1436 CORRESPONDING 25 NOVEMBER 2014**

---

1. Yang Mulia Awang Haji Adi Marhain bin Haji Leman, Pemangku Timbalan Pengarah Urusan (Regulatori), Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) selaku Tetamu Kehormat, telah membuka rasmi *the 17<sup>th</sup> ASEAN Insurance Regulators' Meeting* (AIRM) dan *the 40<sup>th</sup> ASEAN Insurance Council Meeting* (AIC) pada 2 Safar 1436 bersamaan 25 November 2014 di The Empire Hotel & Country Club, Jerudong.
2. Antaralain Awang Haji Adi Marhain, dalam teks ucapannya menyebut mengenai penubuhan Pembiayaan Risiko Bencana dan Program Insurans (DRFI) yang tepat pada masanya untuk meningkatkan daya tahan kewangan negara-negara ASEAN untuk bencana alam. Peristiwa-peristiwa baru-baru ini di beberapa kawasan ASEAN telah memberi kesan ekonomi termasuk industri insurans sebagai sumber dana untuk pemulihan. Usaha pihak pengawalselia yang berterusan dalam menyumbangkan kepada statistik insurans bersatu ASEAN diharapkan akan memberi maklumat yang berguna untuk membantu dalam analisis data bagi menyediakan *risk modelling tools* yang akan membantu penggubal dasar untuk membuat keputusan kewangan.
3. Memandangkan kadar penembusan yang rendah dalam pasaran insurans ASEAN, Awang Haji Adi Marhain juga menggesa pengawalselia dan AIC untuk meneroka lebih jauh termasuklah insurans mikro, yang mana sesetengah bidang kuasa sudah mempunyai beberapa inisiatif mengenainya.
4. Dengan kehadiran *ASEAN Insurance Research and Training Institute* (AITRI), *Asian Development Bank* (ADB) dan *ASEAN Insurance Education Committee* akan memberi peluang kepada perbincangan perkembangan semasa terutama dalam pembangunan kapasiti sebagai sebahagian daripada usaha berterusan pihak pengawalselia untuk terus mengikuti apa yang berlaku di dunia insurans.
5. Ini adalah merupakan kali ketiga Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah kepada mesyuarat-mesyuarat tersebut yang mana diadakan setiap tahun secara bergilir-gilir di kalangan Negara-negara anggota ASEAN. Di samping mesyuarat-mesyuarat berkenaan, satu mesyuarat bersama di antara pengawalselia dan AIC, *Council of Bureau*, *ASEAN Natural Disaster Research Work Sharing* dan *ASEAN Insurance education Committee* juga diadakan. Mesyuarat-mesyuarat tersebut dihadiri oleh kira-kira 50 pengawalselia dan 100 wakil-wakil dari AIC.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

**Date: 2 Safar 1436 / 25 November 2014**

**Ref: AMBD/R/MTG/4**